KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Koperasi jana pendapatan RM20,000 sebulan melalui Projek Desa Lestari KKDW
PAUTAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2628420

Koperasi Jana Pendapatan RM20,000 Sebulan Melalui Projek Desa Lestari KKDW

01/11/2026 10:11 AM



Perusahaan bot pelancong yang diusahakan Koperasi Warisan Seberang Takir Bhd (KWSTB) melalui program Desa Lestari, dijangka mampu menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan ketika ditemui di Muara Sungai Terengganu semalam. Pengerusi KWST Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata projek itu, bukan sahaja memanfaatkan 64 ahli koperasi yang terdiri daripada nelayan, malah membuka peluang pekerjaan serta limpahan ekonomi kepada penduduk setempat. Beliau berkata projek tersebut dimulakan pada 2024 melalui pemberian geran Desa Lestari berjumlah RM1 juta oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). --fotoBERNAMA (2026) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA TERENGGANU, 1 Nov (Bernama) -- Perusahaan bot pelancong yang diusahakan Koperasi Warisan Seberang Takir Bhd (KWSTB) melalui program Desa Lestari, dijangka mampu menjana pendapatan sehingga RM20,000 sebulan.

Pengerusi KWST Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata projek itu, bukan sahaja memanfaatkan 64 ahli koperasi yang terdiri daripada nelayan, malah membuka peluang pekerjaan serta limpahan ekonomi kepada penduduk setempat.

Beliau berkata projek tersebut dimulakan pada 2024 melalui pemberian geran Desa Lestari berjumlah RM1 juta oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)**	
MEDIA	TV1
TAJUK	Program Pra-Tahfiz KEMAS bimbing lebih 125,000 murid menghafaz al-Quran
PAUTAN	https://tinyurl.com/3dyvpj2w

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Zahid usaha lunas tunggakan projek
PAUTAN	https://tinyurl.com/57rp3abz



DR Ahmad Zahid menyampaikan sumbangan kepada guru sekolah tadika bagi Parlimen Bagan Datuk pada Majlis Santunan Kasih Deepavali Bagan Datuk 2026 di Kompleks UMNO Bagan Datuk, semalam.

KONTRAKTOR TUNGGU RM259.5 JUTA

Zahid usaha lunas tunggakan projek

Oleh Kumaran Rajamoney
am@hmetro.com.my

Bagan Datuk

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggesa kerajaan mengikhtiarkan penyelesaian bayaran tunggakan projek luar bandar berjumlah RM259.5 juta, khususnya membabitkan kontraktor yang sudah menyiapkan tugasan masing-masing.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) berkata, usaha perlu dilakukan bagi memastikan dana pembayaran dapat disediakan, khususnya bagi projek yang sudah diselesaikan tetapi masih belum menerima bayaran.

Katanya, pembayaran mengikut kemajuan kerja *(progress payment)* kepada kontraktor dan pembekal juga perlu diberi perhatian.

"Saya fikir perkara itu telah dijelaskan oleh Ketua Setiausaha Akhbar saya di KKDW dan penjelasan itu sepatutnya difahami oleh semua pihak.

"Kita akan menentukan pada baki akhir tahun ini mana-mana pembayaran bagi projek-projek yang telah diselesaikan tetapi belum dapat bayaran, kita akan ikhtiarkan agar dana itu dapat membuat pembayaran.

"Begitu juga bayaran mengikut kerja-kerja kemajuan kepada kontraktor dan juga para pembekal," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali 2026 di sini, semalam.

Zahid berkata, isu berkenaan juga sudah dijelaskannya di Parlimen dan dijawab oleh Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

"Saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Sebelum ini, Setiausaha Akhbar Menteri KKDW, Fadzmel Fadzil mendedahkan sebanyak RM259.503 juta tunggakan bayaran interim kepada kontraktor serta pampasan pemilik tanah masih belum dilunaskan setakat 30 September lalu, membabitkan 112 projek.

Beliau menjelaskan tunggakan berkenaan berpunca daripada komitmen projek beberapa tahun terdahulu yang sudah dilaksanakan tetapi belum dibayar, menyebabkan ia terpaksa dibawa ke tahun-tahun berikutnya.

Menurut Fadzmel, KKDW terpaksa menggunakan peruntukan dalaman sedia ada untuk membayar tunggakan berkenaan, sekali gus memberi kesan kepada pelaksanaan program dan projek lain termasuk pembinaan serta baik pulih rumah golongan miskin dan Orang Asli yang membabitkan peruntukan RM200 juta.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Zahid harap tunggakan bayaran projek KKDW selesai tahun ini
PAUTAN	https://tinyurl.com/bd6m4jyf

Zahid harap tunggakan bayaran projek KKDW selesai tahun ini



BAGAN DATUK - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap, isu tunggakan bayaran bagi projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dapat diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, pihaknya akan berusaha memastikan bayaran bagi projek yang telah disiapkan serta tuntutan kemajuan kerja kepada kontraktor dan pembekal dapat dilunaskan.

"Mana-mana pembayaran kepada projek yang telah diselesaikan tetapi belum dapat pembayaran, kita akan ikhtiarkan agar dana itu dapat membuat pembayaran dan juga bayaran mengikut kerja-kerja kemajuan, bayaran kemajuan kepada kontraktor dan juga pembekal.



Ahmad Zahid (tengah) menyampaikan sumbangan kepada guru sekolah tadika bagi Parlimen Bagan Datuk pada Majlis Santunan Kasih Deepavali Bagan Datuk 2026 di Kompleks UMNO Bagan Datuk pada Ahad.

"Perkara ini telah saya jelaskan di Parlimen juga dan telah dijawab oleh Menteri Kewangan II, dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali 2026 di Dewan UMNO Bagan Datuk di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid mengulas klip video yang dimuat naik Setiausaha Akhbar Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Fadzmel Fadzil di TikTok berhubung dakwaan kelewatan pembayaran projek bernilai lebih RM200 juta.

Pada 30 Oktober lepas, media melaporkan tunggakan bayaran interim kepada kontraktor serta pampasan kepada pemilik tanah berjumlah RM259.503 juta setakat 30 September lepas, membabitkan 112 projek. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Kwong Wah Yit Poh
TAJUK	Tunggakan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) diharapkan selesai sebelum akhir tahun
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdyenbxu

乡村及区域发展部欠款 冀年杪前获得解决

副首相拿督斯里阿末扎希希望乡村及区域发展部拖欠2亿5950万令吉乡区工程款项问题，能够在今年底前获得解决。

他指出，政府应设法解决总额达2亿5950万令吉的乡区工程拖欠款项问题，尤其是已完工却未获得付款的承包商。

他表示，政府必须设法确保备有足够的付款资金，尤其是已完工但仍未付款的项目。同时政府也必须关注根据工程进度，向承包商及供应商支付款项的事宜。

“我认为，乡村及区域发展部的新闻秘书已经对此事作出说明，各方理应明白有关解释。”

阿末扎希是于周日在峇眼拿督巫统大厦出席2026年屠妖节关怀活动后，在记者会上指出，他此前也已在国会解释有关课题，并由第二财政部长拿督斯里阿米尔韩沙作出回应。

此前，乡村及区域发展部长首席新闻秘书法兹梅法兹尔透露，截至今年9月30日，该部仍拖欠承包商的中期付款（interim payment）及土地所有者的赔偿金，其中涉及112项工程，总额达2亿5950万3000令吉。

他解释，有关欠款源于数年前已实施但尚未支付的项目，导致相关款项被迫滚存至接下来的年份，因而，乡村及区域发展部被迫动用现有的内部拨款来偿还上述欠款，进而影响了其他程序与项目的实施，其中包括涉及2亿令吉拨款的贫困群体及原住民房屋兴建与修缮计划。#

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	MRSM Bagan Datuk juara Samsung Solve for Tomorrow 2026
PAUTAN	https://tinyurl.com/58nubv8d

MRSM Bagan Datuk juara Samsung Solve for Tomorrow 2026

Kuala Lumpur: Pasukan InnovateZ dari Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Bagan Datuk muncul sebagai juara keseluruhan Samsung Solve for Tomorrow 2026 menerusi inovasi TheVisionSense, iaitu peranti yang membantu individu yang mengalami masalah penglihatan bergerak dengan lebih selamat dan berdikari.

TheVisionSense dibangunkan menggunakan penderia LiDAR dan ultrabunyi untuk mengesan halangan serta memberikan amaran audio secara masa nyata.

Inovasi berbentuk set kepala itu bertujuan membantu individu yang baru mengalami masalah penglihatan mengenal pasti halangan di persekitaran mereka.

Samsung Solve for Tomorrow 2026 dianjurkan oleh Samsung Malaysia Electronics dengan kerjasama Universiti Malaya bagi menggalakkan pelajar berusia 13 hingga 15 tahun menggunakan kreativiti dan pemikiran kritis untuk menyelesaikan masalah sebenar.

Pertandingan ini menerima 106 penyertaan membabitkan 424 pelajar dari seluruh negara, merangkumi empat tema, iaitu Kelestarian Alam Sekitar, Sukan dan Teknologi, Kesihatan serta Pendidikan.

Daripada jumlah itu, 10 pasukan terbaik mara ke separuh akhir untuk memperhalusi idea, membangunkan prototaip dan mengikuti Bengkel Pemikiran Reka Bentuk sebelum lima pasukan terpilih ke peringkat akhir.

Samsung dalam kenyataan medianya berkata, kejayaan itu membolehkan Pasukan InnovateZ membawa pulang produk Samsung bernilai sehingga RM47,000 selepas menewaskan empat pasukan finalis lain.

Kenyataan itu menyebut, penilaian pemenang mengambil kira kreativiti, penerapan prinsip Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta potensi projek memberi manfaat kepada masyarakat.

Sementara itu, wakil Pasukan InnovateZ, berkata idea menghasilkan TheVisionSense tercetus daripada kesedaran mengenai keperluan golongan yang mengalami masalah penglihatan terhadap penyelesaian teknologi yang dapat membantu kehidupan sehari mereka.

"Kami berasa sangat gembira kerana berjaya meraih tempat pertama, terutamanya selepas melalui pelbagai cabaran sepanjang perjalanan ini.

"Kami jarang mendengar mengenai penyelesaian untuk individu yang mengalami masalah penglihatan, dan hal itu memberi inspirasi kepada kami untuk menghasilkan set kepala ini bagi membantu mereka," katanya.



Pasukan InnovateZ ketika mempersembahkan prototaip TheVisionSense kepada barisan juri.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Isu bayaran kontraktor KKDW diharap selesai akhir tahun
PAUTAN	https://tinyurl.com/2r8na77z

Isu bayaran kontraktor KKDW diharap selesai akhir tahun

Bagan Datuk: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berharap, isu tunggakan bayaran bagi projek di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dapat diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Timbalan Perdana Menteri yang yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata pihaknya akan berusaha memastikan bayaran bagi projek yang telah disiapkan serta tuntutan kemajuan kerja kepada kontraktor dan pembekal dapat diunaskan.

"Mana-mana pembayaran kepada projek yang sudah diselesaikan, tetapi belum dapat pembayaran, kita akan ikhtiarkan agar dana itu dapat membuat pembayaran dan juga bayaran mengikut kerja-kerja kemajuan, bayaran kemajuan kepada kontraktor dan juga para pembekal.

"Perkara ini telah saya jelaskan di Parlimen juga dan telah dijawab Menteri Kewangan II dan saya harap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Santunan Kasih Deepavali 2026 di Dewan UMNO Bagan Datuk di sini semalam.

Ahmad Zahid mengulas klip video dimuat naik Setiausaha Akhbar Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Fadzmel Fadzil, menerusi media sosial berhubung kelewatan pembayaran projek bernilai lebih RM200 juta.

Terdahulu, media melaporkan setakat 30 September lalu, tunggakan bayaran interim kepada kontraktor serta pampasan kepada pemilik tanah berjumlah RM259.503 juta membabitkan 112 projek.

Fadzmel yang juga EXCO Pemuda UMNO, mendakwa tunggakan berkenaan menjejaskan kontraktor kecil, termasuk kontraktor Bumiputera yang belum menerima bayaran walaupun kerja diselesaikan.

Dalam perkembangan berasingan, Ahmad Zahid berkata, pelajar yang dikenal pasti berada di kawasan berisiko banjir besar akibat Monsun Timur Laut (MTL) 2026/2027 akan dipindahkan ke sekolah berasrama bagi memastikan mereka dapat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Timbalan Perdana Menteri berkata, perkara itu sudah dibincangkan bersama Menteri Pendidikan, Datuk Seri Fadhlina Sidek, dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu.

"Pelajar yang dikenal pasti berada di kawasan berisiko banjir besar akan dipindahkan ke sekolah yang mempunyai kemudahan asrama," katanya yang Pengerusi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau berkata, NADMA menjangkakan MTL tahun ini dijangka lebih buruk berbanding tahun sebelumnya selepas mengenal pasti beberapa titik panas yang berpotensi mengalami luruan hujan luar biasa berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Sistem amaran awal membolehkan penduduk di kawasan berisiko dipindahkan lebih awal ke tempat selamat," katanya.

Antara negeri yang berisiko dilanda banjir ketika MTL ialah Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Mengulas kesiapsiagaan agensi berkaitan, Ahmad Zahid berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah menyediakan stok bantuan makanan dan khemah, manakala NGO serta persatuan radio amatur turut membantu dari segi komunikasi ketika bekalan elektrik terputus.

Dalam pada itu, beliau berkata, Bantuan Wang Ihsan (BWI) RM1,000 bagi setiap keluarga akan diberikan kepada mangsa yang berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 2 NOVEMBER 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	RM79.12 juta laksana 44 projek pembangunan Melaka
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdfvs63e

RM79.12 juta laksana 44 projek pembangunan Melaka: Ahmad Zahid

ALOR GAJAH: Kerajaan memperuntukkan RM79.12 juta bagi melaksanakan 44 projek pembangunan di Melaka merangkumi 16 projek baharu dan 28 projek sambungan pada tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, antara peruntukan utama ialah bagi melaksanakan sembilan projek Jalan Luar Bandar (JALB) bernilai RM22.05 juta melibatkan satu projek baharu dan lapan projek sambungan.

Beliau berkata, peruntukan turut membabitkan pelaksanaan satu projek baharu Jalan Perhubungan Desa (JPD) bernilai RM6 juta, dua projek baharu di bawah Kesejahteraan Rakyat (KR) bernilai RM6 juta dan satu projek baharu di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) bernilai RM3 juta.

"Projek lain ialah satu projek sambungan Jambatan Luar Bandar (JMLB) bernilai RM2 juta; dua projek Korporat dan Pembangunan Kemahiran bernilai RM1.23 juta melibatkan satu projek baharu dan satu projek sambungan serta 15 projek di bawah Majlis Amanah Rkayat (MARA) bernilai RM24 juta melibatkan empat projek baharu dan satu projek sambungan.

"Selain itu, tiga projek sambungan di bawah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bernilai RM9.22 juta dan lapan projek di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakt (KEMAS) bernilai RM4.31 juta melibatkan empat projek baharu dan empat projek sambungan serta dua projek baharu di bawah FELCRA bernilai RM1.3 juta," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Program Gerakan Massa Masyarakat Desa (GEMA) Negeri Melaka 2026 di Dewan FELCRA Ramuan Cina, Lubok China, di sini semalam.

Ahmad Zahid berkata, keseluruhan peruntukan itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh prasarana, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta memperluas peluang pendidikan dan pembangunan modal insan di negeri berkenaan.

Beliau turut menyatakan keyakinan lebih banyak pembangunan dapat dilaksanakan menerusi kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Dr Ab Rauf Yusoh dalam menerajui Melaka bagi memastikan lebih banyak manfaat dapat dinikmati oleh seluruh rakyat di negeri tersebut.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata bagi pembangunan modal insan, peruntukan tambahan RM10 juta diberikan kepada Melaka TVET Centre of Excellence untuk memperkukuh latihan kemahiran dan melahirkan tenaga kerja yang memenuhi keperluan industri

Ahmad Zahid yang juga Pengerusi Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara berkata aspek kebajikan rakyat terus diberikan perhatian apabila RM468 juta bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memanfaatkan 28,386 rakyat Melaka, khususnya golongan yang memerlukan bantuan dan perlindungan sosial.

"Inilah pendekatan pembangunan yang perlu terus diperkukuh, supaya kemajuan ekonomi Melaka turut membuka peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan membawa manfaat kepada masyarakat desa," katanya. — Bernama